

Maulidur Rasul Tanda Cinta Rasulullah (S.A.W)

Oleh: Aisyah Nurul Izzah Muhafaz, 1180370

KUALA KRAI: Sambutan Maulidur Rasul disambut gembira oleh masyarakat Islam sebagai tanda cinta terhadap Rasulullah s.a.w pada 14 November lalu.

“Walaupun Baginda tiada bersama, namun sambutan sempena kelahirannya tetap disemarakkan dengan penuh rasa cinta dan sayang” kata Rugayah Hussin selaku Ahli Jawatankuasa (AJK) Muslimah bagi Masjid Kampung Chuchuh Puteri B.

Tambahnya lagi, biarpun pandemik Covid-19 semakin meningkat, sambutan tetap diadakan sebagaimana tahun-tahun sebelumnya.

“Aktiviti sebegini membantu masyarakat menzahirkan kecintaan kepada Baginda dan memperingati jasa-jasanya dalam memperjuangkan agama Islam sejak berkurun lamanya” ujarnya.



Sebahagian penduduk sedang mengadakan bacaan Zanji secara beramai-ramai di dewan masjid Kampung Chuchuh Puteri B.

Bertempatkan dewan masjid, ceramah diadakan selepas solat Zohor yang disampaikan oleh seorang pendakwah bebas, Suhaibah Mat Hassan dan dihadiri kira-kira 50 orang masyarakat setempat yang terdiri daripada kaum wanita.

Beliau turut berkongsi dalam pengisiannya tentang beberapa akhlak terpuji Baginda yang wajar dijadikan contoh bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan harian.

“Solat sunat dua rakaat sebelum Subuh dan sentiasa menjaga kebersihan diri serta persekitaran merupakan aktiviti yang sering dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W” jelasnya.

Tambahnya lagi, majlis ilmu seperti ini membantu masyarakat dalam menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan masyarakat yang lain, baik golongan tua mahupun golongan muda.

Suhaibah turut menyeru kepada semua masyarakat agar sentiasa memperingati pengorbanan Baginda dengan berselawat dan berpegang teguh dengan ajarannya.